

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Office:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T +603 7652 3388
F +603 7957 1562
E customerservice@mcis.my
W www.mcis.my

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Critical illnessProtect. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.	Critical illnessProtect
	XXXX

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Critical illnessProtect ialah rider penolakan unit yang menyediakan perlindungan kepada penyakit kritikal. Ia boleh dilampirkan pada pelan asas berkaitan pelaburan dengan premium berkala yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad. Rider ini menyediakan perlindungan sehingga umur 100 tahun atau tempoh akhir polisi asas, yang mana lebih awal.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Jumlah Diinsuranskan = RM 475,000

Apabila Hayat yang Diinsuranskan telah didiagnosis dengan mana-mana satu penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini, kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari, seratus peratus (100%) daripada Jumlah Diinsuranskan (RM 475,000) ditolak sebarang amaun yang telah dibayar untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari dan sebarang keter hutangan di bawah Polisi akan dibayar sekali gus.

Apabila Hayat yang Diinsuranskan didiagnosis dengan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari yang dilindungi di bawah rider ini, sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Diinsuranskan (RM 25,000) akan dibayar sekali gus, tertakluk kepada had maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM 25,000). Peristiwa yang dilindungi ini akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada Jumlah Diinsuranskan, dengan itu mengurangkan amaun Jumlah Diinsuranskan yang akan dibayar seterusnya apabila didiagnosis dengan mana-mana satu daripada baki penyakit kritikal yang dilindungi.

Jumlah Asas Diinsuranskan bagi Polisi Asas akan dikurangkan sebanyak jumlah yang dibayar sekiranya Hayat yang Diinsuranskan didiagnosis dengan mana-mana satu penyakit kritikal yang dilindungi. Jumlah maksimum yang akan dibayar untuk mana-mana satu Hayat yang Diinsuranskan sekiranya mengalami penyakit kritikal yang dilindungi terhad kepada Ringgit Malaysia Empat Juta (RM 4,000,000) untuk rider ini dan semua polisi hayat lain yang dikeluarkan oleh Syarikat atau syarikat insurans lain atau pengendali takaful, termasuk sebarang rider(-rider) yang lain.

Senarai penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi:

- 1. Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk
- 2. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari
- 3. Sindrom Apalik
- 4. Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk menjalankan Aktiviti Kehidupan Harian
- 5. Tumor Otak Benign - keterukan tertentu
- 6. Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih
- 7. Pembedahan Otak
- 8. Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser peringkat awal
- 9. Kardiomiopati - keterukan tertentu
- 10. Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan kegagalan Kekal Sumsum Tulang
- 11. Pankreatitis Berterusan Kronik
- 12. Koma - mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan
- 13. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
- 14. Creutzfeldt - Penyakit Jakob
- 15. Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih
- 16. Elephantiasis
- 17. Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk menjalankan Aktiviti Kehidupan Harian
- 18. Kegagalan Hati Peringkat Akhir
- 19. Penyakit Paru-paru Peringkat Akhir
- 20. AIDS Dengan Gejala Penuh
- 21. Hepatitis Viral Fulminan
- 22. Serangan Jantung - keterukan tertentu
- 23. Pembedahan Injap Jantung
- 24. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
- 25. Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang
- 26. Kehilangan Kewujudan Bebas
- 27. Kehilangan Pertuturan
- 28. Trauma Kepala Major - mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk menjalankan Aktiviti Kehidupan Harian
- 29. Pemindahan Organ Utama/Sumsum Tulang
- 30. Penyakit Sistik Medular
- 31. Penyakit Neuron Motor - Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan
- 32. Sklerosis Multipel
- 33. Distrofi Otot
- 34. Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan
- 35. Kelumpuhan Anggota
- 36. Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk menjalankan Aktiviti Kehidupan Harian
- 37. Poliomielitis
- 38. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu
- 39. Skleroderma Progresif
- 40. Penyakit Arteri Koronari Serius
- 41. Strok/Angin Ahmar - mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan
- 42. Pembedahan Aorta
- 43. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
- 44. Penyakit Terminal
- 45. Kelecuran Tahap Ketiga - keterukan tertentu

Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk definisi bagi penyakit-penyakit kritikal.

Tempoh perlindungan ialah sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur seratus (100) tahun pada hari jadi berikutnya atau sehingga tamat tempoh Polisi Asas, yang mana lebih awal.

Manfaat(-manfaat) yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- (a) Kos rider telah digabungkan ke dalam premium Polisi Asas. Maka rider dibiayai dengan penolakan Caj-caj Insurans dari Nilai Akaun. Caj-caj Insurans mungkin berubah bergantung kepada keperluan pengunderitan MCIS Insurance Berhad.
- (b) Caj-caj Insurans berubah berdasarkan umur pada hari jadi berikutnya, jantina, Jumlah Diinsuranskan dan penarafan perubatan, yang mana berkenaan. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk bagi maklumat terperinci.
- (c) Caj-caj Insurans yang diterangkan dalam Ilustrasi Produk adalah diguna pakai untuk risiko standard.
- (d) Caj-caj Insurans adalah tidak dijamin dan mungkin berubah dari semasa ke semasa.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Caj-caj Insurans akan ditolak pada setiap bulan daripada Nilai Akaun untuk perlindungan yang disediakan. Caj-caj Insurans akan meningkat mengikut umur Hayat yang Diinsuranskan. Butiran Caj-caj Insurans untuk rider ini adalah disediakan dalam Ilustrasi Produk.

Caj-caj Insurans adalah tidak dijamin dan mungkin berubah dari semasa ke semasa. MCIS Insurance Berhad mempunyai hak untuk mengubah Caj-caj Insurans dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis terlebih dahulu.

5. Apakah antara terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

- (a) Kepentingan pendedahan - Anda hendaklah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, pekerjaan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- (b) Tempoh bertenang - Anda boleh membatalkan rider anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan kontrak tambahan. Caj-caj Insurans yang telah ditolak dengan sebarang bayaran perubatan yang ditanggung akan dibayar balik ke Nilai Akaun.
- (c) Tempoh menunggu - Kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah rider ini hanya akan bermula tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Kuatkuasa Insurans, kecuali bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif lain bagi Penyakit Arteri Koronari Utama, Kanser, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung dan Penyakit Arteri Koronari Serius, di mana kelayakan hanya akan bermula enam puluh (60) hari selepas Tarikh Kuatkuasa Insurans.
- (d) Rider ini mungkin layak untuk pengecualian cukai di bawah insurans perubatan, tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia. Sila rujuk kepada LHDN atau penasihat cukai anda untuk maklumat lanjut.
- (e) Prosedur Tuntutan - Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur dan borang tuntutan daripada laman web korporat kami di www.mcis.my, hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami atau kunjungi cabangan yang terdekat dengan anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

Rider ini tidak melindungi sebarang penyakit kritis yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) peristiwa berikut:

- (a) Keadaan Sedia Ada; atau
- (b) Kecederaan atau penyakit akibat Kecederaan diri sendiri atau disebabkan pertarungan ketika siuman atau tidak siuman; atau
- (c) Akibat penyalahgunaan dadah, gangguan ketagihan daripada penyalahgunaan dadah atau semasa berada di bawah pengaruh alkohol; atau
- (d) Akibat melakukan, cubaan melakukan perbuatan menyalahi undang-undang atau mencetuskan serangan atau jenayah atau sebarang bentuk pelanggaran undang-undang.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat hubungan saya?

Anda perlu memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat hubungan untuk memastikan bahawa semua surat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk buku kecil *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Perubatan & Kesihatan'. Anda boleh mendapatkan salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftaran:199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pos : Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-7652 3388

Faks : 03-7957 1562

Emel : customerservice@mcis.my

Laman Web : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Perubatan dan Kesihatan yang serupa tersedia.

Sila tanya MCIS Insurance Berhad atau ejen anda untuk jenis perlindungan lain yang serupa yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad.

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA RIDERINI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada XXXX.